

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JULAI 2019 | SELASA

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[ BALING ]

SOALAN

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah indikator atau kayu pengukur kejayaan Kerajaan terhadap pelaksanaan Pelan Penstrukturan dan Pemulihan Tabung Haji (**TH**) dan apakah status kedudukan kewangan terkini **TH**, bentuk pelaburan yang diraih **TH** untuk pertengahan tahun 2019.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara indikator dan kayu pengukur kejayaan Kerajaan terhadap pelan Penstrukturan Dan Pemulihan **TH** adalah **TH** telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangannya dengan menutup jurang defisit antara nilai aset dan liabiliti disamping ia membolehkan pengagihan hibah telah dilakukan kepada pendeposit pada 5 April 2019 berlandaskan Akta Tabung Haji. Pencapaian pelan Penstrukturan Dan Pemulihan **TH** ini juga dilihat berdasarkan kepada keyakinan pendeposit kepada **TH** yang terus kekal dan utuh. Selepas pengumuman Hibah 2018 yang lalu, operasi perkhidmatan pengurusan simpanan kekal lancar tanpa sebarang gangguan sehingga kini.

Kedudukan kewangan **TH** mencatatkan prestasi yang mampan pada suku pertama 2019, hasil daripada kejayaan proses penstrukturan dan pemulihan yang dilaksanakan pada akhir Disember 2018. Pada sukuk pertama 2019, **TH** telah memperoleh pendapatan berjumlah RM623 juta dan mencatat keuntungan bersih RM440 juta. Pendapatan **TH** akan terus meningkat mulai suku kedua dengan penerbitan sukuk oleh SPV akan memberi pulangan hampir RM800 juta setahun dan perlaksanaan proses pelarasan pelaburan baharu. Simpanan pendeposit di **TH** tidak menunjukkan pengeluaran yang luar biasa sehingga Jun 2019. Malah, keyakinan ini dilihat makin meningkat dan digambarkan melalui pertambahan bilangan pendeposit baharu dan jumlah simpanan yang konsisten.

Selari dengan mandat utama penubuhan **TH** iaitu pengurusan haji, **TH** mengambil langkah untuk menumpukan pelaburan yang lebih mampan dan stabil tanpa mengambil risiko yang berlebihan seperti pelaburan di dalam pendapatan tetap dan pasaran wang.

Sekian. Terima kasih.